

Dr. M: Peranan UIA naikkan imej Islam

(P)
Oleh
ZULKIFLEE BAKAR
U.M. 25 AUG 1993
KUALA LUMPUR 24
Ogos — Dato' Sri Dr.
Mahathir Mohamad
mahf Universiti Islam
Antarabangsa (UIA) me-
ainkan peranan untuk
meningkatkan imej Islam
yang begitu rendah kedu-
dukannya pada kacamata
dunia serta memperbetul-
kan akidah dan pengeta-
huan cetek mengenai aga-
ma, masyarakat dan eko-
nomi Islam.

Di samping itu, tegas Perdana Menteri, UIA perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mengukir kecemerlangan dalam bidang-bidang tertentu supaya ia mendapat pengiktirafan yang lebih meluas daripada dunia akademik dan masyarakat antarabangsa.

“Matlamat UIA ialah ia hendaklah menjadi institusi pengajian tinggi yang diiktiraf dan dihormati bukan sahaja oleh dunia Islam, tetapi dunia pelajaran tinggi amnya,” kata beliau ketika berucap di majlis meletak batu asas kampus UIA di Gombak, di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, potensi untuk UIA ditampikan sebagai pusat pendidikan tinggi antarabangsa adalah begitu luas jika dibandingkan dengan universiti-universiti tempatan yang lain kerana beberapa ciri keistimewaan dan kekuatan yang ada pada UIA.

Beliau menegaskan, selain daripada mempunyai autonomi dalam aspek pentadbiran dan pengurusan, UIA juga mempunyai sumber kekuatan dari segi pelajar dan tenaga akademik yang berbilang bangsa, kebudayaan, latar belakang, ideologi, pengalaman dan disiplin.

Dr. Mahathir berkata, kepelbagaian ini merupakan satu aset dan sumber kekuatan yang harus dimanfaatkan ke tahap optimum bagi menyumbang kepada keperluan negara dan cabaran-cabaran antarabangsa.

“Sesebuah universiti itu seharusnya berupaya mengenalpasti peluang-peluang yang baik di samping mengetahui kekuatan dan kelemahannya.

“Inilah asas penting ba-

■ Lihat muka 2

✓ Dr. M: Peranan UIA naikkan imej Islam

U.M. 25 AUG 1993

gi memina institusi yang boleh dianggap cemerlang," katanya.

Dr. Mahathir menyeru institusi-institusi pengajian tinggi tempatan memberi tumpuan kepada isu-isu yang lebih luas dalam usaha menarik pelajar-pelajar asing selaras dengan arus 'mengantarabangsakan pendidikan tinggi.'

Menurut Perdana Menteri, antaranya ialah dengan melakukan pengubahsuaian kepada kandungan program, kaedah pengajaran, sistem pemindahan kredit, kaunseling sokongan sosial dan bahasa pengantar yang memudahkan pelajar-pelajar asing.

"Ini perlu dilakukan kerana ada pandangan bahawa universiti tempatan lambat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan di sekeliling mereka," katanya.

Dr. Mahathir berkata, adalah dikhuatiri sekiranya universiti-universiti tempatan dan institusi pendidikan yang lain masih mengekalkan acuan dan pemikiran tahun lima puluhan untuk menangani masalah dan cabaran menjelang 2020, peluang untuk membangunkan negara sebagai pusat pendidikan tinggi antarabangsa akan terlepas begitu sahaja.

"Justeru itu negara memerlukan model institusi yang lebih dinamik dan responsif" kata Dr. Mahathir.

Beliau berkata, terdapat beberapa faktor dalaman dan luaran yang menyokong serta menampilkan peluang untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat antarabangsa bagi pendidikan tinggi.

"Ini termasuklah pertumbuhan ekonomi khususnya di kalangan negara perindustrian baru yang merangsangkan persaingan yang begitu hebat dan setiap negara sedar bahawa untuk bersaing mereka perlu meningkatkan pelaburan dalam pembangunan sumber manusia," katanya.

Dr. Mahathir menjelaskan, terdapat 75,000 pelajar ASEAN menuntut di luar negara bagi tahun 1988. Lebih kurang 85 peratus daripada pelajar-pelajar itu tertumpu di tujuh buah negara iaitu Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Jerman, Canada, Jepun dan Perancis.

"Tetapi perubahan dasar berhubung dengan yuran, iaitu pengenalan yuran bagi pelajar asing di negara-negara tertentu dan faktor kadar pertukaran asing telah memaksa kerajaan dan ibu bapa memikirkan negara alternatif yang sesuai," katanya.

Kerajaan, kata Dr. Mahathir, mengemukakan cadangan untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan serta kesediaan untuk membuka peluang-peluang dan kemudahan berkaitan di negara ini.

"Di sini timbullah peluang bagi Malaysia mengatur strategi dan tindakan untuk menarik sebahagian daripada pasaran pelajar ini 'dan menyumbangkan reverse flow pelajar ASEAN,'" katanya.

Beliau menegaskan, dalam konteks persekitaran 'global' yang sentiasa berubah, pembangunan sains dan teknologi, kemajuan komunikasi dan teknologi maklumat, universiti perlu menawarkan program-program yang dapat menarik pasaran pelajar.

"Pada asasnya kita dapati di negara ini, badan-badan profesional, industri dan majikan sering melahirkan rasa tidak puas hati terhadap program serta kualiti pelajar yang dikeluarkan oleh universiti-universiti tempatan.

"Oleh itu universiti-universiti tempatan harus berupaya untuk menyesuaikan diri mereka dengan keperluan pasaran dan membuatkan program-program lebih relevan dan berguna kepada masyarakat," katanya.